

Lepasan perubatan dibenarkan kerja di Britain tiga tahun

Bagi pelajar yang telah berada di Britain dan masih mempunyai visa bekerja sah, mereka boleh terus bekerja sehingga tempoh permit itu tamat

CHUA SOI LEK
Menteri Kesihatan

KUALA LUMPUR 26 Sept. - Pelajar perubatan yang menamatkan pengajian di Britain dibenarkan bekerja di hospital kerajaan di negara itu untuk tempoh tiga tahun sahaja.

Menteri Kesihatan, Datuk Dr. Chua Soi Lek berkata, sekiranya pelajar terbabit ingin terus bekerja selepas tempoh itu, mereka perlu memohon permit kerja.

Menurutnya, tempoh tiga tahun itu diberi bagi membolehkan pelajar perubatan mendapat pengiktirafan daripada Majlis Perubatan British (BMC).

"Bagi pelajar yang telah berada di Britain dan masih mempunyai visa bekerja sah, mereka boleh terus bekerja sehingga tempoh permit itu tamat.

"Ini merupakan peraturan baru diperkenalkan oleh kerajaan Britain bermula 1 April lalu.

"Di samping itu, peraturan tersebut menetapkan hanya rakyat Britain dan Kesatuan Eropah (EU) akan diberi keutamaan dalam permohonan permit kerja.

"Justeru, bagi pelajar yang tidak dapat menyempurnakan pengajian dalam bidang kepakaran kerana terikat dengan peraturan baru itu, kementerian akan menimbang menempatkan mereka dalam program sarjana ditawarkan dalam negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas melancarkan Skim Diskaun Istimewa Perlindungan Insurans untuk Doktor Perubatan Muda di sini hari ini.

Menurut Soi Lek, peraturan baru itu disampaikan oleh Pesuruhjaya Tinggi Britain ke Malaysia, Boyd McCleary secara bertulis baru-baru ini.

Jawapan itu ekoran pertemuan antara Soi Lek dan McCleary yang diadakan bagi menyampaikan rayuan rakyat Malaysia yang menamatkan pengajian sebagai doktor dan ingin melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah lanjutan kepakaran di Britain.

Difahamkan, pelajar Malaysia di Britain berjumlah 11,500

orang dan 1,000 daripadanya merupakan pelajar perubatan.

Kata Soi Lek, dalam pertemuan itu kementerian merayu McCleary supaya mengambil perhatian kepada isu-isu tersebut.

"Sekiranya peraturan itu tidak dipertimbangkan, maka usaha melahirkan lebih ramai doktor pakar berkhidmat untuk negara akan terjejas," jelasnya.

Perlindungan

Sementara itu, Soi Lek meminta semua doktor kerajaan yang bekerja di klinik swasta selepas waktu pejabat (khidmat lokum) mendapatkan skim perlindungan insurans untuk doktor perubatan muda.

"Skim itu bukan sekadar memberi perlindungan bahkan khidmat nasihat dan tunjuk ajar mengenai isu-isu perundangan dalam perkhidmatan perubatan," katanya.

Tambah beliau, skim perlindungan itu diwujudkan memandangkan bilangan pesakit telah meningkat dan wujud kesedaran dalam kalangan rakyat mengenai hak untuk menuntut.

"Selain itu, banyak rawatan yang rumit dengan menggunakan teknologi moden dan sebarang kesilapan boleh berlaku bila-bila masa," katanya.